

18 SEP 1999

Wan Mokhtar-Kesal

WAN MOKHTAR KESAL TINDAKAN KEADILAN

KUALA BERANG, 18 Sept (Bernama) -- Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad kesal dengan tindakan Parti Keadilan Nasional (KeADILan) yang cuba membabitkan campur tangan Raja-raja Melayu dalam menangani isu politik tanah air.

Menurutnya sebagai rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan kestabilan politik, mereka mesti mengelak daripada membabitkan Raja-raja dengan isu berkenaan.

"Parti pembangkang sudah kehabisan modal sehingga sanggup memburuk-burukkan negara sendiri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Rakan Muda Tanah Rancangan 1999 Negeri Terengganu di Felda Bukit Bading, di sini hari ini.

"Mereka tidak seharusnya menyalahkan kerajaan dalam kes keracunan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum hasil siasatan diperolehi dan tindakan mengheret Raja-raja Melayu ke kancah politik juga tidak harus dilakukan," tambahnya.

Sementara itu, ketika berucap beliau berkata rakyat perlu berbangga dengan peranan yang dimainkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam memaju dan membangunkan negara sehingga menjadi contoh kepada negara-negara lain.

Menteri Besar berkata negara-negara lain berminat untuk mempelajari dan mengambil formula kejayaan negara ini yang menunjukkan kejayaan cemerlang dalam mengatasi kegawatan ekonomi negara sejak dua tahun lepas.

"Sejak kenyataan Perdana Menteri yang mengecam perdagangan matawang, ramai yang tidak setuju dengan kelantangannya sehingga menyebabkan negara-negara besar lain memulaukan negara ini," katanya.

Bagaimanapun, tindakan yang diambil Perdana Menteri itu terbukti berkesan sehingga mampu menangani kegawatan ekonomi negara sehingga Malaysia dihormati di seluruh dunia, kata beliau.

Beliau juga melahirkan rasa bangga dengan pendekatan terang dan nyata yang dilakukan Perdana Menteri dalam menjelaskan isu-isu negara dalam setiap lawatannya ke luar negara sehingga setiap itu dapat dijelaskan dengan berkesan.

Beliau juga mengajak rakyat supaya bersyukur di atas nikmat dan kemakmuran yang dikecapi di negara ini hasil kerja keras pucuk pimpinan negara.

Justeru itu kata Wan Mokhtar berkata kerajaan negeri juga sentiasa berusaha mewujudkan generasi yang baik dan sihat sesuai dengan matlamat untuk menjadikan Terengganu sebagai negeri ilmu dan iman.

-- BERNAMA

RIZ FAZ